



**SEBAHAGIAN** daripada kakitangan akademik dan Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa yang terlibat dalam program khidmat masyarakat selama dua hari di Kampung Bundu Tuhan, Ranau, baru-baru lnl.

## PPIB UMS anjur khidmat masyarakat di Kg. Bundu Tuhan UM 18·9·2013 28

RANAU 17 Sept. - Program khidmat bakti masyarakat di kawasan luar bandar oleh warga institusi pengajian tinggi awam di negeri ini perlu diperbanyakkan sebagai pengisian kepada aktiviti sosial mereka.

Pensyarah Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB), Prof. Madya Dr. Andreas Totu berkata, usaha itu mampu mendekatkan diri kepada

kehidupan penduduk di pedalaman, sekali gus mengenali budaya mereka.

"Apa yang lebih penting ialah kita dapat memberikan motivasi kepada anak-anak di situ supaya mereka cemerlang dalam pendidikan dan berjaya keluar daripada kepompong kemiskinan," katanya.

Baru-baru ini, seramai 23 kaki-

tangan akademik dan sokongan PPIB mengadakan program khidmat masyarakat di Kampung Bundu Tuhan, Ranau, selama dua hari.

Katanya, program khidmat masyarakat itu diisi dengan pelbagai pengisian melibatkan penduduk setempat termasuk mengadakan dialog bersama pemimpin kampung berkenaan.